

TARIKH : 9 OGOS 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 9

## Sasar 10,000 ayam kampung seminggu

# Sasar 10,000 ayam kampung seminggu

Usaha FGV pasarkan ayam kampung di AEON BiG menjelang akhir tahun ini

SERDANG

**F**GV Holdings Bhd melalui anak syarikat milik penuhnya menyasarkan untuk membekalkan 10,000 ekor ayam kampung seminggu menjelang akhir tahun ini di bawah jenama Ladang'57 yang boleh didapati di pasar raya besar AEON BiG di seluruh negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, kerajaan memperuntukkan se-

banyak RM234 juta kepada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) untuk projek pertanian di bawah Projek Pembangunan Peneroka (PPP) meningkatkan pendapatan peneroka dan Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM).

"Setakat ini, kerajaan telah meluluskan sebanyak 1,036 projek ayam kampung di bawah Felda di seluruh negara. Ayam kampung semakin diminati dan mendapat permintaan serta harganya tinggi. Antara strategi untuk menangani masalah miskin tegar ialah dengan menggalakkan peserta menternak ayam kampung.

"Dengan kerjasama FGV dan AEON BiG, masalah pemasaran bagi ternakan ayam kampung ini sudah pasti akan dapat ditangani," katanya semasa merasmikan majlis pelancaran ker-



MUSTAPA

jasama makanan ayam kampung FGV ALMA - Padiberas Nasional Bhd (Bernas) dan pemasaran ayam kampung Ladang'57 di sini pada Isnin.

Ketua Pertanian Bersepadu FGV, Abdul Razak Aya berkata, Malaysia kini mengeluarkan lapan juta ekor ayam kampung setahun

dan hampir 10 peratus dieksport ke Singapura manakala bakinya diedarkan terutamanya di Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang.

Bagi meningkatkan dan memastikan terdapat bekalan ayam kampung di pasaran, FGV secara proaktif menerajui PPP dan BMTKM di bawah pengurusan penternakan kontrak.

"Sebagai permulaan, kami menyasarkan untuk membekalkan sebanyak 1,000 ekor ayam kampung seminggu kepada AEON BiG tetapi yakin ia boleh ditingkatkan apabila projek itu diwujudkan di seluruh negara," jelasnya.

Abdul Razak berkata, kekuatan dan ketersediaan FGV dalam segmen produk makanan pengguna membolehkan FGV memainkan peranan sangat penting untuk negara sebagai pelaksana utama atau *National Global Food Company* dalam

rantaian agenda keselamatan makanan negara dan sebagai pelaksana utama untuk Dasar Agro Makanan Negara (DAN) 2.0.

Ujarnya, dengan saiz pasaran dan potensi produk makanan pengguna di peringkat global dianggarkan bernilai lebih AS\$11 trilion, Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan sumber semula jadi mampu untuk berdaya saing dengan memberikan fokus dalam industri pemakanan dan penghasilan produk barangan hiliran berkualiti tinggi.

"Penglibatan FGV dalam Program Gedung Makanan Negara dan Program Pembangunan Peneroka dijangka dapat mengukuhkan lagi kedudukan Felda/FGV untuk berperanan sebagai syarikat makanan dalam mentransformasikan agenda sekuriti makanan negara," tambahnya. - Bernama